

Guru Tadika Berkongsi Rezeki

Oleh: Nur Syazana Bukhari, 1180241

SUBANG JAYA: Penyelia pusat jagaan harian, Zalina Zakaria mencari inisiatif baru dengan menyumbang makanan secara percuma bagi meringankan nasib kakitangan yang lain ekoran sekolah terpaksa ditutup akibat wabak Covid-19 ini.



Guru tadika mengagihkan makanan kepada penunggang motosikal

Beliau berkata, kebanyakan guru di situ masih muda dan perlu dibayar gaji tetapi beliau tidak mampu berbuat demikian kerana sekolah tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Mengenangkan nasib bagaimana mahu mencari duit untuk membayar gaji guru, Zalina berkata, daripada mencari duit lebih baik dia mengeluarkan sedikit tenaga dengan membuat infaq bagi membantu orang di luar.

Mereka bercadang menyediakan sejenis hidangan yang sihat untuk disumbangkan kepada penduduk setempat hasil daripada usaha dan sumbangan para guru.

Zalina berkata, kerjasama dalam penyediaan makanan ini sedikit sebanyak dapat mengeratkan hubungan antara mereka menjadi lebih baik.

“Kami bersama-sama menyediakan satu hidangan yang berkhasiat mengandungi protein dan vitamin seperti ayam, daging atau telur dan juga sayur-sayuran mengikut bajet yang telah ditentukan.

“Mereka dapat menyediakan sebanyak 50 ke 80 bungkus makanan sehari mengikut kepada kemampuan mereka,” katanya.



Guru-guru sedang membungkus makanan sebelum diedarkan kepada orang luar

Menurut Zalina, seawal jam 8.30 pagi mereka mula menyediakan bahan-bahan mentah untuk dimasak dan dibungkuskan supaya dapat diagahihkan kepada penduduk pada jam 11 pagi.

“Pada hari pertama, mereka kurang mendapat sambutan daripada penduduk setempat. Tetapi selepas beberapa hari, mereka mula menerima pelanggan tetap yang akan singgah disitu,” katanya.

Pengurus pusat jagaan harian, Nurhazwani berharap semoga usaha mereka dalam membantu mereka diluar dapat diteruskan walaupun selepas sesi persekolahan dibuka semula.

Beliau menambah, salah satu inisiatif baru yang akan dilakukan apabila sekolah dibuka semula adalah dengan menyediakan barang-barang kering seperti “foodbank” bagi meneruskan kerja amal ini.